

Ketua Pemuda, Puteri Umno

Tenom menang tanpa tanding

DE 22.6.2018 3

TENOM: Dua individu termasuk seorang graduan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menang tanpa bertanding untuk jawatan Ketua Pemuda Umno Tenom dan Ketua Puteri dalam pilihan raya parti selepas tarikh tutup pencalonan pada 17 Jun.

Graduan UMS Bobby Balang, 28, yang memenangi jawatan Ketua Pemuda Umno Tenom tanpa bertanding berkata kehadirannya kali ini adalah untuk mengajak belia untuk bangun berjuang dan memperkasakan Umno untuk meneruskan legasi parti itu.

“Kami mahu memulihkan imej dan maruah Umno agar ia dapat terus berjuang dengan semangat baharu dan memadam kelemahan lalu yang dihadapi dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14),” katanya ketika ditemui pemberita pada Rabu lepas.

Roslaily Bokun, 31, yang berasal dari Kampung Sungai Api memenangi jawatan Ketua Puteri Umno Tenom selepas 44 daripada 60 cawangan Puteri selesai bersidang dan mendapati tidak ada pencabar lain bagi jawatan tersebut.

Sebagai seorang pendatang baharu dalam dunia politik, Roslaily berkata dia bersedia untuk mengendalikannya tugas dan tanggungjawab baharunya walaupun ia agak berat. Dia berkata dia berasa bersemangat dan mahu melihat Umno bangkit ke puncak seperti sebelum ini.

Kedua-dua sayap menyempurnakan persidangan peringkat cawangan mereka sehinggalah tarikh tutup pada 17 Jun sementara persidangan tahap peringkat bahagian akan diadakan pada 23 Jun (esok). – **Mail Mathew**